



Perpaduan insani teras Kelantan, semua bangsa zuriat Adam dan Hawa - MB Kelantan

Kelantan bentang peluang pelaburan, produk pelancongan negeri kepada pelabur Mesir

Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina perkukuh perpaduan masyarakat di Kelantan

YIK-Umm Al-Qura bincang kerjasama perkasa Bahasa Arab

Manfaat rakyat ukuran kejayaan pentadbiran - MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 14 Februari – Kejayaan sesebuah pentadbiran mesti dinilai berdasarkan sejauh mana manfaatnya dapat dirasakan sepenuhnya oleh rakyat. Bukannya diukur melalui retorik atau perbezaan pandangan semata-mata.

Perkara itu ditegaskan Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud, susulan pertemuan beliau bersama Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, selepas Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-271 pada Rabu.

Kunjungan hormat itu dilaksanakan bagi memperkukuh hubungan kerja antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Menurutnya, pertemuan tersebut menjadi medan mempererat kerjasama pentadbiran secara matang, berhemah serta berorientasikan penyelesaian demi kepentingan rakyat.



"Segala perbincangan bermatlamat kepada satu tekad iaitu memastikan manfaatnya dirasakan sepenuhnya oleh rakyat, kerana kesejahteraan mereka adalah ukuran sebenar kejayaan pentadbiran," katanya menerusi media sosial, pada Jumaat.

Pertemuan berkenaan turut disertai Pegawai Kewangan Negeri Dato' Rosnazli Amin dan Bendahari Negeri Kelantan Dato' Roslan Yahya.

Dato' Mohd Nassuruddin berkata, fokus utama perbincangan tertumpu kepada usaha memperkasa amalan federalisme yang sihat melalui pendekatan profesional, saling menghormati bidang kuasa serta perkongsian tanggungjawab antara negeri dan Persekutuan.

Tambahnya, kerajaan yang matang perlu mampu mengurus perbezaan secara bijaksana dan mencari titik persamaan untuk maslahat

“

Segala perbincangan bermatlamat kepada satu tekad iaitu memastikan manfaatnya dirasakan sepenuhnya oleh rakyat, kerana kesejahteraan mereka adalah ukuran sebenar kejayaan pentadbiran,”

bersama.

"Negeri dan Persekutuan harus bergerak seiring, bukan untuk menentukan siapa lebih menonjol, tetapi siapa yang lebih terbela," katanya.

Tegasnya, keutamaan pentadbiran adalah memastikan kepentingan umum sentiasa mendahului, dengan setiap inisiatif dirangka secara praktikal dan memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat.

Delegasi Kelantan tinjau peluang kerjasama akademik di Universiti Emir Abdelkader



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 11 Februari - Kerajaan Negeri Kelantan meneruskan usaha memperkukuh jaringan pendidikan antarabangsa apabila delegasi negeri itu mengadakan lawatan rasmi ke Universiti Emir Abdelkader, Algeria, pada 5 Februari.

Delegasi berkenaan diketuai Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Ha-

mat dan telah disambut mesra oleh Rektor universiti berkenaan, Prof. Dr. Saïd Derradji.

Dato' Wan Roslan berkata, lawatan itu memberi peluang kepada delegasi Kelantan untuk meninjau secara langsung suasana kampus, meneliti ekosistem akademik serta melihat kemudahan dan fasiliti yang disediakan, termasuk ruang pembelajaran, perpustakaan dan persekitaran ilmiah yang kondusif.

Menurutnya, lawatan tersebut



turut bertujuan menilai serta meneroka potensi kerjasama akademik antara kedua-dua pihak, khususnya dalam bidang Pengajian Islam, Ekonomi, Usuluddin dan Dakwah.

"Selain itu, perbincangan juga menyentuh usaha memanfaatkan teknologi dan media semasa dalam mempromosikan Islam sebagai ad-din selaras dengan perkembangan dunia digital masa kini," katanya menerusi media sosial, pada Ju-

maat.

Beliau berharap ruang kerjasama yang terbuka itu dapat dimanfaatkan sebagai destinasi ilmu baharu buat pelajar-pelajar dari Kelantan pada masa hadapan.

"Semoga usaha ini dapat membuka ruang yang lebih luas dalam pembangunan ilmu serta melahirkan generasi muda Kelantan yang berdaya saing dan cemerlang, selari dengan aspirasi pembangunan negeri," katanya.

Turut serta dalam lawatan tersebut, Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Pengarah Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) Nik Jesim Tan Sri Nik Hashim, Pengarah Yayasan Islam Kelantan (YIK) Shamsul Abu Bakar dan mantan Timbalan Pengarah YIK Mohd Zaki Deraman.

Perpaduan insani teras Kelantan, semua bangsa zuriat Adam dan Hawa - MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 14 Februari – “Kita semua berasal daripada keturunan Nabi Adam dan Hawa. Apabila zuriat berkembang, lahirlah pelbagai bangsa seperti Melayu, Cina, India, Arab dan lain-lain dan kita diperintahkan untuk saling mengenali dan bekerjasama, bukan bermusuhan.”

Demikian penegasan Menteri Besar Kelantan YAB Dato Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nasruddin Daud ketika menekankan bahawa kepelbagaian bangsa, bahasa dan agama dalam masyarakat majmuk adalah ketentuan Allah SWT untuk membina hubungan yang baik serta memperkukuh kerjasama sesama manusia.

Beliau berkata, perbezaan bangsa tidak boleh dijadikan asas perpecahan, sebaliknya perlu difahami sebagai asas ta’aruf dan muafakat sosial yang membawa kepada kestabilan serta keharmonian negeri.

Menurutnya, identiti bangsa adalah ketetapan Ilahi dan tidak berubah walaupun seseorang itu memeluk Islam.

“Tidak tepat jika mengatakan orang Cina yang memeluk Islam sebagai ‘masuk Melayu’. Bangsa tidak berubah dengan perubahan agama. Islam juga melarang sikap memandang rendah terhadap mana-mana bangsa kerana ia bukan pilihan manusia,” katanya.

Beliau turut menegaskan baha-



wa keharmonian antara kaum di Kelantan perlu terus dipelihara dan diperkukuh supaya negeri itu kekal sebagai model perpaduan yang matang dan berteraskan nilai saling hormat.

Kepelbagaian bahasa serta budaya pula wajar diketengahkan sebagai keunikan yang memperkayakan identiti negeri.

Mengulas contoh silang budaya, beliau menarik perhatian bahawa persembahan gendang yang dipersembahkan oleh masyarakat Melayu berasal daripada tradisi masyarakat Cina, manakala seni wayang kulit yang sinonim dengan budaya Melayu turut melibatkan masyarakat Cina sebagai tok dalang.

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan lebih 500 masyarakat Tionghua dalam Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina 2026 anjuran Pusat Integriti Antara

Kaum (PEKA) di bawah Portfolio Perpaduan Kaum yang berlangsung di Dewan Perniagaan Cina, di sini, malam tadi.

Pada majlis sama, sebanyak 300 warga emas kaum Tionghua menerima sumbangan yang disampaikan oleh Menteri Besar bersama isteri, Datin Panglima Perang Datin Wan Nor Hanita Wan Yaacob.

Turut menyampaikan sumbangan ialah Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato’ Rohani Ibrahim serta Ahli Dewan Negeri Bunut Payong Shaari Mat Yaman.

Majlis berkenaan dimeriahkan dengan persembahan tarian singa, gendang empat musim dan cabutan bertuah yang menyemarakkan suasana muhibah antara kaum.

Menteri Besar juga menegaskan

“

Tidak tepat jika mengatakan orang Cina yang memeluk Islam sebagai ‘masuk Melayu’. Bangsa tidak berubah dengan perubahan agama. Islam juga melarang sikap memandang rendah terhadap mana-mana bangsa kerana ia bukan pilihan manusia,”

kan, sambutan perayaan pelbagai kaum di Kelantan diraikan dalam semangat mahabbah dan kasih sayang, mencerminkan hubungan erat yang dibina merentas komuniti.

Tambahnya, walaupun komposisi kaum bukan Melayu di negeri ini adalah minoriti, kerajaan negeri komited melaksanakan dasar adil dan saksama kepada seluruh rakyat tanpa mengira bangsa dan agama.

“Kerajaan negeri tidak pernah menjadikan faktor jumlah sebagai alasan untuk tidak berlaku adil. Prinsip keadilan mesti dinikmati semua kaum termasuk Cina, India dan lain-lain sebagai rakyat Kelantan,” katanya.

Tegasnya, Islam menuntut keadilan sejagat dan menolak sebarang bentuk kezaliman terhadap sesiapa sahaja, sama ada terhadap diri sendiri mahupun orang lain.



Kelantan bentang peluang pelaburan, produk pelancongan negeri kepada pelabur Mesir

Oleh: Asri Hamat

KAHERAH, 11 Februari – Kelantan berjaya membentangkan pelbagai peluang pelaburan strategik serta produk pelancongan negeri kepada pelabur Mesir menerusi program “Discover Malaysia: Business Opportunities in the States of Kelantan, Kedah dan Terengganu” di Aswan Hall, Hotel Holiday Inn Cairo, Citystars, sekali gus mengukuhkan usaha memperluas jaringan ekonomi Malaysia–Mesir.

Program itu menghimpunkan 75 pelabur berpotensi tinggi dari Mesir bagi meneroka kerjasama strategik dengan negeri-negeri di Malaysia, khususnya dalam sektor industri bernilai tinggi, halal dan pelancongan.

Kerajaan Negeri Kelantan diwakili Timbalan Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Nasriff Daud serta Ahli Dewan Negeri Melor (ADN) YB Wan Rohimi Wan Daud.

Dalam sesi pembentangan khas, YB Nasriff mengetengahkan ekosistem pelaburan negeri yang kondusif melalui pembangunan Pasir Mas



Halal Park, Tok Bali Industrial Park, Tok Bali Integrated Fisheries Park dan Tok Bali Supply Base sebagai pemangkin pertumbuhan industri.

Katanya, usaha itu disokong projek infrastruktur utama termasuk East Coast Rail Link dan Central Spine Road yang dijangka meningkatkan aksesibiliti serta daya saing Kelantan sebagai hab pelaburan di Pantai Timur.

Menurut YB Nasriff lagi, penyeritaan Kelantan dalam program itu bertepatan dengan prestasi perdagangan Malaysia yang kukuh pada 2025 apabila jumlah dagangan melepasi RM3 trilion, meningkat 6.3 peratus berbanding tahun sebelumnya, selain merekodkan lebih dagangan RM151.8 bilion untuk tahun

ke-28 berturut-turut.

Namun, katanya, nilai perdagangan dua hala Malaysia–Mesir masih berada pada paras sekitar USD600 hingga USD700 juta setahun, sekali gus menunjukkan ruang besar untuk dipertingkatkan melalui kerjasama pelaburan dan industri.

Beliau menegaskan Kelantan memberi penekanan kepada perkongsian industri bernilai tinggi, khususnya dalam industri halal global dengan memanfaatkan pensijilan halal Malaysia yang diiktiraf antarabangsa untuk menembusi pasaran Afrika, Timur Tengah dan Eropah.

“Fokus turut diberikan kepada sektor pemprosesan makanan dan agroindustri, industri kimia dan jen-

tera, logistik serta rantai bekalan industri, selain kerjasama digital dan teknologi maklumat.

“Tidak ketinggalan, tumpuan Kelantan ialah terhadap sektor Pembangunan Sumber Manusia dalam bidang Pengajian Islam, perubatan dan pergigian serta bidang perlombongan,” ujarnya.

Sepanjang program, delegasi turut mendengar ucapan wakil Kedutaan Malaysia di Kaherah, wakil Parlimen Mesir dan Majlis Perniagaan Mesir–Malaysia, selain pembentangan oleh MATRADE.

“Kerajaan negeri yakin pendekatan bersepadu yang merangkumi promosi pelaburan dan pelancongan itu mampu meningkatkan keyakinan pelabur Mesir, merancakkan aliran pelaburan dua hala serta memperkukuh kedudukan Kelantan sebagai destinasi industri halal, logistik dan pelancongan strategik,” jelasnya ketika dihubungi, hari ini.

Rombongan Misi Pelaburan Kelantan itu diselaraskan oleh Unit Pemantauan dan Strategik (SPARK), Pejabat Menteri Besar Kelantan bagi memastikan penyelarasan, pemantauan susulan dan kesinambungan pelaburan berimpak tinggi.

LTSIP sedia terima 9,000 penumpang sehari menjelang cuti perayaan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 5 Februari – Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) berada pada tahap kesiapsiagaan tinggi bagi menampung peningkatan pergerakan penumpang yang dijangka mencecah kira-kira 9,000 orang sehari sempena musim cuti perayaan akan datang.

Exco Kerjaya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato’ Dr Izani Husin berkata, persiapan menyeluruh telah dilaksanakan oleh pihak pengurusan lapangan terbang meliputi aspek operasi, keselamatan, aliran trafik serta kemudahan penumpang bagi memastikan perjalanan berjalan lancar dan teratur.

Beliau memaklumkan, penyelarasan awal melibatkan pengendalian penerbangan, pengurusan slot waktu, pergerakan di balai berlepas dan ketibaan serta sokongan logistik telah dibuat bagi mengu-

rangkan risiko kesesakan sepanjang tempoh puncak.

“Rekod tahun lalu menunjukkan LTSIP menerima antara 7,000 hingga 8,000 penumpang sehari dengan 62 penerbangan. Menjelang musim perayaan tahun ini, dijangka akan ada pertambahan daripada tahun lalu oleh beberapa syarikat penerbangan domestik,” katanya ketika lawatan kerja ke LTSIP, hari ini.

Menurutnya lagi, peningkatan kekerapan penerbangan itu menjadi faktor utama penambahan kapasiti kepada sekitar 9,000 penumpang sehari, sekali gus meletakkan LTSIP sebagai antara terminal udara domestik paling sibuk di Semenanjung Malaysia.

Katanya, trend trafik tertinggi dijangka berlaku dalam tempoh seminggu sebelum dan selepas hari raya, justeru penyelarasan jadual slot penerbangan dilaksanakan bagi mengelakkan kesesakan di terminal.

Dalam pada itu, penambahan



petugas operasi dan keselamatan turut dibuat sepanjang tempoh puncak, khususnya di kaunter daftar masuk, laluan pemeriksaan keselamatan serta pengendalian bagasi bagi mempercepatkan proses saringan dan mengurangkan masa menunggu.

Dato’ Dr Izani turut menasihatkan orang ramai agar merancang perjalanan lebih awal, termasuk membuat tempahan tiket lebih awal bagi mengelakkan kesulitan serta kenaikan harga saat akhir.

“Rakyat Kelantan yang berada di

luar dan merancang menggunakan laluan penerbangan Kuala Lumpur–Kota Bharu dinasihatkan membeli tiket sekarang. Apabila semakin hampir dengan musim perayaan, harga biasanya meningkat. Rancang perjalanan dengan baik,” katanya.

Lawatan tersebut turut disertai timbalannya, YB Saizol Ismail dan Ahli Dewan Negeri Chempaka YB Nik Bahrum Nik Abdullah bagi meninjau persiapan akhir pra operasi terminal baharu di Fasa 2 yang dijadualkan beroperasi dalam masa terdekat.

YB Zamakhshari, JKM, penghulu turun ke kediaman Pak Mail

Oleh: Syamimi Manah

PASIR MAS, 8 Februari – Susulan isu yang tular di media sosial berkaitan dakwaan pengabaian terhadap warga emas Ismail Che Noh, 79 tahun atau lebih dikenali sebagai Pak Mail di Kampung Repek, Ahli Dewan Negeri (ADN) Apam Putra YB Zamakhshari Muhamad bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Penghulu Mukim telah turun ke kediaman anaknya, di sini hari ini.

YB Zamakhshari berkata, lawatan tersebut bertujuan mendapatkan gambaran sebenar situasi Pak Mail selain mencari penyelesaian terbaik secara berhemah dan menyeluruh dengan melibatkan semua pihak berkaitan.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada rakyat Malaysia yang prihatin terhadap keadaan Pak Mail. Namun dalam menilai sesuatu perkara, kita perlu melihat dan mendengar maklumat secara menyeluruh. Kita hadir untuk membantu menyelesaikan masalah, bukan mencari masalah,” katanya.

Menurutnya, secara umum pihaknya mengalu-alukan mana-ma-



na individu atau pertubuhan yang ingin membantu, namun penyelesaian jangka panjang perlu diutamakan agar tidak menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

Pada lawatan tersebut, YB Zamakhshari turut menyampaikan sumbangan berupa tilam serta kerusi malas lipat untuk kegunaan Pak Mail.

Sementara itu, anak Pak Mail Abdullah Ismail, 59, menjelaskan bahawa keluarganya tidak pernah mengabaikan bapanya dan mendakwa maklumat yang tular tidak menggambarkan keadaan sebenar.

Menurutnya, sebelum isu tersebut tular, Penghulu Mukim Repek, Roma Hamat, 65, telah pun hadir ke kediaman mereka kira-kira tiga minggu lebih awal untuk berbincang dan mencari jalan penyelesaian

terbaik, manakala gambar yang tular merupakan gambar lama.

“Bapa saya mengalami masalah nyanyuk sejak lebih setahun yang lalu dan mula berhalusinasi selepas pemergian ibu. Keadaannya menyebabkan dia sering memanjat dinding, memecahkan tingkap serta keluar rumah terutama pada waktu malam. Sebab itu kami terpaksa mengunci pintu kerana dia pernah hilang beberapa kali,” jelasnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa bapanya enggan tinggal bersama anak-anak dan memilih untuk berada di rumah bersebelahan, selain pernah tinggal bersama cucu sulungnya sebelum ini.

“Dari segi keperluan harian, kami tidak pernah mengabaikan ayah. Makan minum disediakan sebelum saya keluar bekerja dan saya akan pulang pada waktu tengah hari untuk memandikan serta



memakaikan pampers,” jelasnya.

Pegawai JKM Jajahan Pasir Mas Mohd Khairul Azhar berkata, hasil siasatan mendapati pihaknya telah menilai keadaan semasa Pak Mail dan menyalurkan bantuan yang bersesuaian termasuk bantuan pesakit terlantar.

“JKM telah meluluskan pengesyoran bantuan pesakit terlantar yang mana diberi kepada cucu keempat untuk menjaga Pak Mail dengan lebih baik dan berkualiti. Kami juga melihat kualiti penjagaan adalah berasaskan keluarga,” ujarnya.

Tambahnya, JKM turut meluluskan bantuan bulanan sebanyak RM500 kepada Pak Mail serta elaun pekerja Orang Kurang Upaya (OKU) sebanyak RM450 sebulan kepada anak bongsu Abdullah yang merupakan seorang OKU pembelajaran.

Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina perkukuh perpaduan masyarakat di Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 10 Februari - Sambutan Kebudayaan Tahun Baharu Cina 2026 yang berlangsung di sebuah pasaraya di Kota Bharu pada Ahad menjadi platform penting dalam memperkukuh perpaduan serta memupuk kefahaman antara masyarakat berbilang kaum di negeri ini.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zam-

akhshari Muhammad berkata, program berkenaan meraikan perayaan dan berperanan sebagai ruang untuk rakyat saling mengenali budaya, menghormati kepelbagaian serta mengukuhkan keharmonian sosial.

Menurutnya, penganjuran program seumpama itu selari dengan usaha kerajaan negeri dalam memperkukuh semangat perpaduan dan kesejahteraan masyarakat tanpa

mengira latar belakang kaum dan agama.

“Majlis itu dimeriahkan dengan pelbagai pengisian menarik antaranya persembahan tarian singa, paluan gendang Cina, tarian tradisional kanak-kanak serta sesi Yee Sang yang melambangkan semangat kebersamaan, kemakmuran dan kesejahteraan,” katanya menerusi media sosial pada Isnin.

Beliau turut merakamkan peng-



hargaan kepada semua rakan strategik serta pihak yang terlibat dalam menjayakan program berkenaan yang berlangsung dalam suasana harmoni dan penuh nilai murni.

“Semoga program seumpama ini terus menjadi jambatan perpaduan dan mengukuhkan hubungan antara rakyat pelbagai latar belakang di negeri kita.

Terima kasih kepada semua yang hadir dan menjayakan program ini,” katanya.

Program tersebut turut dihadiri oleh Ahli Parlimen Kota Bharu YB Dato’ Sri Takiyudin Hasan, Ahli Dewan Negeri Kelantan (ADN) Bunut Payong YB Shaari Mat Yaman dan Pengerusi Pusat Integrasi Antara Kaum (PEKA) yang juga Pegawai Tugas-Tugas Khas (Hubungan Luar/ Antara Kaum) Pejabat Menteri Besar Lim Guan Seng.

BNI Kelantan platform strategik himpun usahawan peringkat antarabangsa

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 8 Februari – Business Network International (BNI) Kelantan menjadi platform strategik apabila lebih 300 usahawan dari seluruh negara dan antarabangsa berhimpun sempena Minggu Jaringan Usahawan Antarabangsa (NWI) 2026.

Majlis perasmian program tersebut disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud di sebuah hotel di sini, pada Sabtu.

Beliau menyifatkan penganjuran program bertaraf antarabangsa itu sebagai peluang penting untuk membina jaringan perniagaan, berkongsi ilmu serta meneroka pasaran baharu.

"Program ini merupakan platform berprestij yang menghimpunkan lebih 300 usahawan BNI dari seluruh negara termasuk peserta antarabangsa.

"Penganjuran sebegini memberi ruang kepada usahawan untuk berkolaborasi dan mengukuhkan jaringan perniagaan mereka," katanya.

Beliau turut mengalu-alukan kehadiran para peserta ke Kelantan yang bukan sahaja dikenali sebagai Serambi Mekah, malah terkenal sebagai negeri yang melahirkan ramai usahawan berjaya dalam pelbagai bidang, sama ada di peringkat korporat mahupun perusahaan kecil dan sederhana.

Mengulas landskap keusahawanan tempatan, Menteri Besar berkata Kelantan sering dikait-



kan dengan kehebatan usahawan wanita, khususnya menerusi Pasar Besar Siti Khadijah yang menjadi simbol keterlibatan aktif golongan wanita dalam dunia perniagaan.

"Tengok sahaja Pasar Besar Siti Khadijah, yang menjadi simbol keterlibatan langsung golongan wanita dalam arena keusahawanan. Namun di sebalik kejayaan wanita, terdapat peranan golongan lelaki yang menjadi tunjang dan tonggak sesebuah perniagaan.

"Golongan lelaki dan wanita di Kelantan saling melengkapi untuk membangunkan anak bangsa dan negeri ini," jelasnya.

Beliau menegaskan bahawa Islam amat menggalakkan keusahawanan sebagai sumber rezeki yang produktif dan beretika, selari dengan hadis Rasulullah SAW bahawa sebahagian besar rezeki datangnya daripada perniagaan.

"Keusahawanan dalam Islam bukan sekadar mengejar keuntungan, sebaliknya merupakan ibadah yang mempunyai dimensi sosial dan etika yang kukuh," katanya.

Menteri Besar turut meng-

gariskan prinsip-prinsip utama keusahawanan Islam, termasuk memastikan aktiviti dan produk perniagaan adalah halal dan tayyib, menegakkan keadilan, menjunjung etika perniagaan yang tinggi, menyumbang kepada masyarakat serta menggalakkan inovasi dan peningkatan produktiviti.

Beliau menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan melihat pembangunan keusahawanan sebagai pelaburan jangka panjang yang mampu mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan rakyat serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri yang mampan.

Dalam landskap ekonomi global, beliau berkata jaringan strategik bukan lagi satu pilihan, sebaliknya satu keperluan, dan program Minggu Jaringan Usahawan ini membuka ruang perkongsian ilmu, pemindahan teknologi serta penerokaan pasaran baharu.

Dato' Mohd Nassuruddin turut menekankan slogan BNI Kelantan, "Uboh Cara Set Kito Nnego", yang menekankan perubahan minda dan

“

Golongan lelaki dan wanita di Kelantan saling melengkapi untuk membangunkan anak bangsa dan negeri ini,”

budaya berniaga ke arah pembinaan nilai, kepercayaan dan jaringan jangka panjang.

Beliau berkata Kerajaan Negeri Kelantan terus komited memperkasa sektor keusahawanan sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi dengan menumpukan kepada pelaburan berkualiti, pembangunan industri moden berasaskan teknologi, pemerkasaan perusahaan kecil dan sederhana serta usahawan mikro, pengukuhan modal insan dan pembangunan ekonomi digital serta inovasi.

Kelima-lima fokus itu menjadi teras strategi pembangunan ekonomi negeri ke arah Kelantan yang lebih sejahtera, makmur dan berdaya tahan.

Menteri Besar turut merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada BNI Kelantan atas kejayaan menganjurkan Minggu Jaringan Usahawan Antarabangsa 2026, serta mengucapkan terima kasih kepada semua penaja dan usahawan luar Kelantan yang menyertai program berprestij tersebut.



YIK-Universiti Umm Al-Qura bincang kerjasama perkasa Bahasa Arab

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 10 Februari - Yayasan Islam Kelantan (YIK) mengadakan perbincangan kerjasama strategik bersama Universiti Umm Al-Qura, Arab Saudi, bagi memperkasakan penguasaan Bahasa Arab khususnya dalam kalangan guru mata pelajaran tersebut di sekolah-sekolah seliaan YIK.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi Negeri Kelantan, YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, antara fokus utama perbincangan ialah cadangan pelaksanaan kursus pemantapan Bahasa Arab yang disasarkan kepada guru-guru Bahasa Arab YIK.

Menurut beliau, kursus berkenaan dicadang dilaksanakan secara dalam talian sebagai fasa awal dengan kerjasama IQRA Arabiah University, Universiti Umm Al-Qura, Mekah, sebelum diteruskan ke fasa seterusnya secara bersemuka di universiti tersebut berdasarkan penilaian tahap penguasaan Bahasa Arab peserta.

“Semoga usaha kerjasama ini menjadi pemangkin kepada pen-



gukuhan penguasaan dan meningkatkan kefasihan Bahasa Arab dalam kalangan guru sekaligus memberi impak positif terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah,” katanya menerusi satu hantaran di media sosial hari ini.

Tambah YB Dato' Wan Roslan, perincian berkaitan kos dan pembiayaan akan dimuktamadkan selepas kertas cadangan terperinci disediakan dan dipersetujui bersama antara Kerajaan Negeri Kelantan dan pihak IQRA Al-Arabiah.

Selain itu, katanya, kursus berkenaan berpotensi diperluaskan kepada pelajar sekolah YIK secara dalam talian serta dibuka kepada orang awam melalui Pusat Baha-

sa Arab YIK dengan kadar yuran yang bersesuaian.

“Pada dasarnya, saya bersetuju dengan cadangan ini dan telah meminta pihak YIK menyediakan kertas cadangan lengkap untuk dibincangkan selepas pihak IQRA Arabiah mengemukakan cadangan rasmi kepada YIK,” katanya.

Dalam perbincangan yang berlangsung di pejabat Exco Pendidikan di Mabna semalam, Universiti Umm Al-Qura diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IQRA Arabiah, Umm Al-Qura University, Sheikh Abdullah Bawazir. Turut hadir, Penolong Pengarah Pusat Bahasa Arab YIK, Ustaz Pahrudin Karimi Che Muhammad serta mantan Timbalan Pengarah YIK,



Ustaz Mohd Zaki Deraman.

Untuk rekod, Universiti Umm Al-Qura (UQU) ialah sebuah universiti awam Islam terkemuka yang terletak di Mekah, Arab Saudi. Institusi itu ditubuhkan pada tahun 1941 sebagai Kolej Syariah sebelum dinaik taraf dan dinamakan semula sebagai Universiti Umm Al-Qura pada 1981.

Universiti berkenaan menawarkan pelbagai program pengajian di peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah dalam pelbagai bidang seperti teknologi, pengurusan perniagaan, ekonomi Islam, kejuruteraan, perubatan dan pendidikan, dengan penekanan terhadap integrasi pendidikan Islam dan akademik moden.

Kes Tibi di Kelantan terkawal, kerajaan negeri pandang serius penyakit berjangkit



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 9 Februari - Kes penyakit tibi (TB) di Kelantan dilaporkan masih terkawal walaupun beberapa kluster dikesan di negeri ini pada penghujung tahun lalu.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata kerajaan negeri memandang serius sebarang penyakit berjangkit termasuk tibi dan tindakan segera diambil sebaik sahaja kes dikesan.

Menurutnya, pesakit tibi akan

menjalani rawatan intensif termasuk pengambilan antibiotik khas selama enam bulan tanpa henti bagi memastikan kuman tibi dapat dihapuskan sepenuhnya.

“Sekiranya rawatan tidak dihabiskan dalam tempoh ditetapkan, kuman tibi sukar dihapuskan dan boleh menyebabkan jangkitan berulang serta penularan kepada orang lain.”

Beliau berkata demikian ketika bersiaran bersama DJ Nazz dan Qila di stesen Molek FM, yang turut disiarkan menerusi media so-



sial beliau, hari ini.

Menurutnya, penyakit tibi adalah penyakit berjangkit yang boleh merebak melalui batuk, bersin, meludah dan kontak rapat, justeru golongan berisiko tinggi dinasihatkan agar sentiasa menjaga kesihatan.

“Ahli keluarga yang tinggal serumah dengan pesakit tibi adalah antara golongan paling berisiko. Selain itu, perokok dan individu yang mempunyai sistem imuniti rendah juga mudah dijangkiti,” jelasnya.

Tambah YB Hilmi, kerajaan negeri sentiasa menjalankan kempen kesedaran sepanjang tahun bagi mendidik rakyat Kelantan supaya menghindari penyakit berjangkit serta mendapatkan rawatan awal sekiranya mengalami gejala.

“Jika terdapat sebarang tanda atau simptom, segera hadir ke klinik berhampiran untuk pemeriksaan dan saringan awal,” ujarinya.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan Datuk Dr Mohd Azman Yaacob dilaporkan berkata, sebanyak sembilan kes tibi direkodkan di negeri ini melibatkan tiga kluster.

Menurutnya, dua kluster dikesan di Kota Bharu iaitu di Guchil Bayam membabitkan dua kes dan Kampung Padang Salim dengan tiga kes, manakala satu lagi kluster di Melawi, Bachok mencatatkan empat kes.

Sinergi Kelantan–Terengganu perkasa agenda pembangunan belia Pantai Timur

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 12 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan menerima kunjung hormat Exco Belia, Sukan dan NGO Negeri Terengganu dalam satu pertemuan dua hala yang berlangsung di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim pada Isnin.

Perjumpaan tersebut melibatkan Exco Belia dan Urus Setia Belia, Sukan dan NGO (U-BeS) Negeri Kelantan bersama Exco Belia dan Urus Setia Belia, Sukan dan NGO Negeri Terengganu (UBSNT) dan turut disertai Ahli Dewan Negeri (ADN) Belia dari kedua-dua negeri.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata, Kelantan mempunyai platform tersendiri dalam membangunkan potensi anak muda melalui penubuhan Urus Setia Belia dan Sukan (U-BeS) serta Kelantan Future Leaders Institute (KFLI).

“Di Terengganu pula, wujud UBSNT dan Future Terengganu Leaders (FUTERA). Walaupun berbeza latar dan pendekatan, kedua-duanya berkongsi matlamat yang sama iaitu membangunkan potensi belia serta melahirkan pem-



impin masa hadapan yang berwibawa dan berintegriti,” katanya.

Menurutnya, antara yang turut dibentangkan dalam sesi tersebut ialah pelaksanaan KFLI yang telah terbukti memberi impak signifikan kepada pembangunan kepimpinan belia dan anak muda di Negeri Kelantan.

Seiring itu, Negeri Terengganu juga sedang mengorak langkah melalui inisiatif FUTERA yang berteraskan pembangunan bakat, kepimpinan dan potensi generasi kepimpinan muda.

Beliau menjelaskan, setiap inisiatif berkenaan memainkan peranan penting dalam membentuk ekosistem pembangunan belia yang tersusun, mampan dan berimpak tinggi di negeri masing-masing.

YB Zamakhshari merakam penghargaan kepada YB Hishamuddin Abdul Karim dan rombong-

gan dari Terengganu atas kesudian berziarah ke Kelantan bagi menjayakan sesi perkongsian dua hala yang penuh makna.

“Kelantan dan Terengganu adalah dua negeri yang sentiasa menjadi perhatian ramai. Insya-Allah kita boleh bersinergi bersama untuk memperkasakan negeri di Pantai Timur,” ujarnya.

Sementara itu, Exco Belia, Sukan dan NGO Negeri Terengganu YB Hishamuddin Abdul Karim berkata, kunjungan hormat tersebut bertujuan mempelajari pengalaman Kelantan dalam aspek pengurusan negeri serta pembangunan belia.

“ADN Belia bukan tiket untuk menjadi Yang Berhormat. Ini adalah tempat untuk kalian timba pengetahuan dan bina jaringan.

“ADN Belia merupakan generasi pelapis kepimpinan masa hadapan. Tahniah kepada semua atas

sumbangan idea-idea untuk pembangunan belia Terengganu dan Kelantan,” katanya.

Dalam pertemuan itu, turut diadakan sesi sidang meja bulat melibatkan ADN Belia Kelantan dan Terengganu bagi membincangkan model kepimpinan belia yang lebih berstruktur dan relevan dengan keperluan semasa.

Antara cadangan resolusi yang dikemukakan kepada pimpinan negeri merangkumi pelaksanaan program Cross Learning antara negeri dan negara luar, penganjuran Kongres Belia sebagai platform penyatuan gagasan belia, pengukuhan nilai jati diri serta budaya belia, pewujudan inisiatif Career Door bagi membuka laluan kerjaya kepada anak muda, selain penekanan terhadap pengurusan yang lebih profesional dalam tadbir urus belia dan organisasi.



KBMC sedia rawatan kanser, ICU dan teknologi perubatan terkini



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 9 Februari - Kota Bharu Medical Centre (KBMC) yang sedang giat dibangunkan bakal menyediakan perkhidmatan rawatan kanser, unit rawatan rapi (ICU) serta teknologi perubatan terkini apabila mula beroperasi selewat-lewatnya menjelang penghujung tahun 2026.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, hospital swasta terbesar di Kelan-



tan itu akan dilengkapi kemudahan moden termasuk mesin pengimejan perubatan seperti MRI dan CT scan bagi memenuhi keperluan rawatan pesakit.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan tapak ke projek pembinaan Bangunan Baharu KBMC bersama Timbalan Exco Dato’ Abd Rahman Yunus, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan Dato’ Dr Mohd Azman Yacob, CEO KBMC Encik Mohd Nazri Yaacob, pasukan CKAPS Kelantan serta pegawai daripada

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan, semalam.

Menurut YB Hilmi, projek pembinaan tersebut melibatkan dua blok utama iaitu blok hospital setinggi 12 tingkat dan blok klinik setinggi 11 tingkat yang merangkumi kemudahan parkir, surau, kafetaria serta fasiliti untuk pesakit dan pengunjung.

“Hospital ini akan beroperasi dengan kapasiti awal sebanyak 174 katil dan dijangka meningkat kepada 210 katil apabila operasi penuh dilaksanakan,” katanya menerusi

laman rasmi, semalam.

Tambahnya, antara keunikan bangunan baharu KBMC ialah penyediaan terowong jejantas yang menghubungkan bangunan hospital sedia ada dengan bangunan hospital baharu serta bangunan klinik, sekali gus memudahkan pergerakan pesakit dan petugas kesihatan.

Mengulas lanjut, YB Hilmi memaklumkan lawatan tapak itu bertujuan mendapatkan maklumat menyeluruh berkaitan kemajuan kerja, cadangan operasi serta kemudahan yang bakal ditawarkan oleh KBMC.

“Usaha ini selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk memastikan rakyat mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, bukan sahaja melalui fasiliti kerajaan malah turut disokong oleh perkhidmatan hospital swasta,” jelasnya.

STAM 2025: Prestasi pelajar YIK meningkat, 9 calon cemerlang 10 Mumtaz

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 5 Februari – Prestasi pelajar Yayasan Islam Kelantan (YIK) dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2025 menunjukkan lonjakan membanggakan apabila peratus kelulusan meningkat sebanyak 9.25 peratus, dengan sembilan calon berjaya mencipta kecemerlangan penuh apabila memperoleh 10 Mumtaz.

Pengumuman keputusan tersebut dibuat Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Kamaruzaman Mohamad dalam satu sidang media yang berlangsung di Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan, hari ini.

Menurutnya, sebanyak 906 calon telah menduduki peperiksaan STAM di 25 pusat peperiksaan di bawah YIK pada tahun 2025, meningkat berbanding 897 calon daripada 24 pusat peperiksaan pada tahun 2024.

“Daripada jumlah tersebut, sebanyak 609 calon atau 67.33 peratus berjaya lulus peperiksaan STAM, sekali gus menunjukkan peningkatan memberangsangkan berbanding tahun lalu,” katanya.

Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, YB Kamaruzaman Mohamad

Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, YB Kamaruzaman Mohamad

Beliau turut memaklumkan, selain pencapaian 10 Mumtaz,



pencapaian pangkat Mumtaz (cemerlang) turut meningkat kepada 68 calon berbanding 51 calon pada tahun 2024.

Bagi kategori lain, sebanyak 189 calon memperoleh Jayyid Jiddan (Amat Baik) berbanding 161 calon pada tahun sebelumnya, manakala 276 calon mencapai Jayyid (Baik) berbanding 266 calon pada 2024. Pencapaian Maqbul (Lulus) pula mencatatkan peningkatan kepada 76 calon berbanding 42 calon pada tahun lalu.

Dari segi Gred Purata peringkat YIK, keputusan tahun 2025 turut menunjukkan peningkatan apabila mencatatkan 3.10 berbanding 3.19 pada tahun 2024.

Berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS), Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat muncul sebagai sekolah terbaik dengan GPS 1.63, diikuti Maahad Muhammadi Perempuan yang memperoleh GPS 2.39 dan Maahad Muhammadi Lelaki dengan GPS 2.47.

Dalam pada itu, Exco Pendidikan Negeri Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi

YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat yang menyertai tele sidang secara atas talian dari Algeria, merakamkan ucapan tahniah kepada YIK atas kejayaan merangka pelbagai program pendidikan yang berimpak tinggi.

Tele sidang Exco Pendidikan Negeri Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat

“Syabas dan tahniah kepada YIK kerana berjaya meningkatkan kecemerlangan serta mengurangkan peratus pelajar yang gagal. Tahniah juga kepada pihak sekolah terutamanya guru-guru mata pelajaran yang bertungkus lumus mendidik para pelajar,” katanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Kurikulum YIK Rosdi Zakaria memaklumkan bahawa pencapaian STAM tahun 2025 secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan yang jelas apabila jumlah pelajar yang gagal berjaya dikurangkan daripada 385 orang pada tahun 2024 kepada 297 orang pada tahun ini, melibatkan pengurangan seramai 88 pelajar.

“

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 609 calon atau 67.33 peratus berjaya lulus peperiksaan STAM, sekali gus menunjukkan peningkatan memberangsangkan berbanding tahun lalu,”

Menurutnya, kejayaan tersebut berkemungkinan hasil pelaksanaan beberapa inisiatif dan program berfokus yang dirangka oleh YIK secara berterusan.

“Antara program yang dilaksanakan termasuk muzakarah mata pelajaran STAM bagi pelajar yang lemah, Program Lonjakan Kecemerlangan STAM mengikut jajahan, serta sesi penggubalan bagi subjek-subjek kritikal yang memberi penekanan kepada topik berkeperluan tinggi,” jelasnya.

Tambahnya, pendekatan bersepadu melalui program-program tersebut membantu meningkatkan kefahaman pelajar sekali gus memperbaiki prestasi keseluruhan peperiksaan STAM di peringkat YIK.

Rosdi turut menjelaskan bahawa STAM merupakan laluan pendidikan yang bernilai tinggi kerana kelayakan tersebut setaraf diploma, selain membuka peluang yang lebih luas kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi sama ada di dalam mahupun luar negara.



65 pesara penghulu terima saguhati Kerajaan Negeri Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 11 Februari – Sebanyak 65 pesara penghulu yang menamatkan perkhidmatan pada tahun 2025 menerima saguhati daripada kerajaan negeri dalam satu majlis penghargaan yang diadakan di sebuah hotel di sini, pada Ahad.

Timbalan Menteri Besar YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, kerajaan merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga atas jasa serta pengorbanan para penghulu sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

Menurutnya, setiap penghulu mempunyai sejarah perjuangan tersendiri dalam menggalas amanah yang diberikan demi kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negeri.

“Sesungguhnya setiap amal perbuatan kita akan meninggalkan kesan dan akan dikira oleh Allah SWT di akhirat nanti. Besar jasa yang telah dicurahkan oleh para penghulu kepada masyarakat dalam apa jua bentuk sekali pun,” katanya ketika berucap pada majlis berkenaan.



Beliau berkata, terdapat dalam kalangan penghulu yang telah berkhidmat seawal pembentukan kerajaan negeri ini, iaitu sehingga 35 tahun, selain 30, 29 dan 25 tahun.

“Ini bukan tempoh yang singkat, sebaliknya satu jangka masa yang sangat panjang dalam memberi khidmat kepada kerajaan negeri dan masyarakat. Ia pastinya memerlukan tahap kesabaran yang sangat tinggi,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan saguhati yang diberikan kerajaan negeri adalah sebanyak RM300 bagi setiap tahun perkhidmatan.

“Walaupun jumlahnya tidak tinggi, namun nilai jasa yang para penghulu berikan adalah jauh lebih

besar di sisi Allah SWT,” katanya.

Dato' Dr Mohamed Fadzli turut menegaskan bahawa khidmat para penghulu tidak berhenti selepas bersara, sebaliknya hanya tamat secara rasmi.

Katanya, pengalaman dan ilmu yang diperoleh sepanjang tempoh perkhidmatan perlu terus dimanfaatkan dengan membimbing serta menjadi mentor kepada penghulu yang baharu dilantik.

“Jangan anggap ia bukan lagi tugas selepas bersara. Sebenarnya tiada istilah rehat dalam memberi khidmat kepada masyarakat, cuma bidang tugas sahaja yang berubah.

“Hari ini kita ada 65 individu berpengalaman luas. Jangan sia-si-



akan pengalaman tersebut. Jadilah pembimbing, penasihat dan mentor kepada mereka yang baharu,” katanya.

Beliau menambah, pengalaman, nasihat yang ikhlas serta teladan yang baik amat penting bagi memastikan kesinambungan pentadbiran dan penyampaian khidmat terbaik kepada masyarakat terus terpelihara.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Presiden Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) YB Dato' Abdul Rahman Yunus, Ahli-Ahli Dewan Negeri Kelantan (ADN), Pengarah Urus setia Majlis Penghulu Negeri Kelantan Zulkifli Mamat dan Ahli-Ahli Majlis Penasihat Penghulu Negeri Kelantan.

Madinah Ramadan 1447H: Agenda nasional, model tadbir urus bandar islamik - YB Hilmi

Oleh: Norzana Razaly

KUALA LUMPUR, 11 Februari – Penganjuran Madinah Ramadan kini berkembang sebagai agenda nasional yang menghimpunkan kerjasama kerajaan, sektor korporat dan masyarakat sivil, sekali gus menjadi model pengurusan bandar berteraskan nilai Islam yang tersusun dan berimpak.

Demikian kenyataan Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, YB Hilmi Abdullah ketika menyampaikan ucapan alu-aluan Majlis Makan Malam Penajaan Madinah Ramadan 1447H yang berlangsung di ibu negara, hari ini.

Majlis yang dirasmikan Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasuruddin Daud itu turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Dato' Tengku Kaya Perkasa

Dato' Dr Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal.

YB Hilmi turut merakamkan penghargaan kepada semua penaja dan rakan strategik yang berganding bahu bersama Kerajaan Negeri Kelantan serta Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) dalam menjayakan agenda berkenaan.

Menurutnya, penganjuran majlis di Kuala Lumpur membawa makna besar kerana mencerminkan peluasan peranan Madinah Ramadan daripada inisiatif setempat kepada gerakan bersama di peringkat nasional.

“Penganjuran di Kuala Lumpur menzahirkan bahawa Madinah Ramadan bukan lagi milik satu bandar semata-mata, sebaliknya telah berkembang sebagai agenda bersama yang didukung jaringan korporat, masyarakat sivil dan kepimpinan negeri,” katanya.

Beliau juga menjelaskan, Madinah Ramadan tidak harus dilihat sekadar sebagai program bermusim, sebaliknya merupakan ekosistem ibadah bandar yang menyepadukan elemen dakwah, kebajikan, keilmuan, pengurusan sosial serta pembangunan insan dalam satu kerangka yang berdisiplin.

Jelasnya, pengalaman pelaksanaan di Kota Bharu sejak bertahun-tahun membuktikan bahawa prinsip Islam mampu diterjemahkan secara praktikal dalam tadbir urus bandar secara inklusif, beretika dan memberi kesan langsung kepada kesejahteraan masyarakat.

“Sumbangan dan penajaan yang diberikan bukan sekadar sokongan kewangan, tetapi satu bentuk pelaburan sosial berteraskan nilai. Ia melambangkan kesediaan sektor korporat untuk bersama-sama kerajaan membina kesejahteraan rohani, menghidupkan budaya ke-

bersamaan serta memperkukuh agenda kebajikan dan pembangunan insan,” ujarnya.

Tambahnya, pendekatan tanggungjawab sosial korporat yang menyokong Madinah Ramadan memperlihatkan komitmen jangka panjang terhadap pembinaan masyarakat dan negara, bukan semata-mata pulangan material.

Dalam pada itu, beliau menegaskan bahawa inisiatif Madinah Ramadan bergerak seiring dengan aspirasi Kelantan Sejahtera 2033 yang menekankan pembangunan berasaskan nilai, kepimpinan berintegriti dan kesejahteraan menyeluruh.

“Madinah Ramadan berfungsi sebagai platform penyatuan rakyat dan kerajaan, medan latihan kepimpinan masyarakat serta model tadbir urus Islam yang berpotensi dicontohi pihak berkuasa tempatan lain,” katanya.

Perpustakaan teras dakwah ilmu, pembinaan akhlak masyarakat - YB Zamakhshari

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 8 Februari — Perpustakaan ialah institusi dakwah ilmu yang berperanan menyemai nilai, membina akhlak serta membentuk pemikiran masyarakat, bukan sekadar pusat pinjaman bahan bacaan.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata fungsi perpustakaan kini semakin strategik sebagai wahana pembangunan modal insan dan pengukuhan nilai masyarakat berteraskan ilmu.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Hari Terbuka Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan (PPAK) di pekarangan PPAK, di sini, hari ini.

Menurutnya, tema Jom Ke Perpustakaan “Perpustakaan Di Hati-ku” membawa pengertian bahawa perpustakaan perlu didekatkan dengan masyarakat sebagai ruang yang mesra, terbuka, selamat dan bermanfaat kepada semua lapisan umur.

“Perpustakaan yang diimarahkan mampu melahirkan masyarakat yang cintakan ilmu, berfikiran kritis dan matang serta berpegang teguh kepada nilai Islam,” katanya.

Beliau turut merujuk maksud



Surah az-Zumar ayat 9 yang menegaskan kelebihan golongan berilmu berbanding yang tidak mengetahui, sekali gus menunjukkan kepentingan institusi ilmu dalam membentuk masyarakat sejahtera, berdaya saing dan berakhlak mulia.

Menurutnya, PPAK kini mengendalikan rangkaian perpustakaan awam dan desa di seluruh Kelantan dengan akses kepada ratusan ribu bahan bacaan merangkumi pelbagai bidang termasuk rujukan akademik, bahan kanak-kanak, keagamaan dan sumber digital.

“Setakat ini, PPAK menyediakan lebih 425,000 naskhah bahan bacaan fizikal untuk kegunaan orang ramai.

“Pendigitalan ilmu turut diperkasa melalui portal u-Pustaka yang menawarkan lebih satu juta judul koleksi digital seperti e-buku, e-majalah, e-surat khabar, buku audio dan e-jurnal, selain menyedia-

kan 22 pangkalan data digital untuk capaian umum.

“Ini membuktikan perpustakaan hari ini berkembang sebagai hab ilmu digital yang menyokong pembelajaran sepanjang hayat,” katanya.

Tambahnya, statistik pengunjung, rekod pinjaman dan penganjuran aktiviti oleh PPAK serta perpustakaan cawangan menunjukkan trend peningkatan yang positif, sekali gus mencerminkan penerimaan masyarakat terhadap budaya membaca walaupun berdepan perubahan gaya hidup digital.

Dalam aspek pembangunan keluarga dan generasi muda, PPAK melaksanakan pelbagai program galakan membaca termasuk Program Anugerah Kelantan Membaca yang sebelum ini dikenali sebagai Program Keluargaku Keluarga Membaca, bagi memupuk tabiat membaca bermula dari insti-

tusi keluarga.

YB Zamakhshari juga memaklumkan bahawa inisiatif berkenaan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk melahirkan generasi berilmu, beradab dan berakhlak, seterusnya membentuk masyarakat madani berteraskan nilai Islam.

“Program Hari Terbuka yang diadakan turut menampilkan pendekatan inklusif melalui penglibatan pelbagai rakan strategik dan agensi merangkumi sektor pendidikan, kesihatan, kebajikan, kewangan dan perkhidmatan awam, sekali gus memperkukuh peranan perpustakaan sebagai pusat komuniti setempat.

“Perpustakaan kini berfungsi sebagai hab komuniti dan ilmu yang holistik, inklusif serta responsif terhadap keperluan semasa, sekali gus menjadi platform penting pembinaan masyarakat berilmu, berdaya tahan dan berintegriti,” ujarnya.



200 masyarakat Tiong Hwa raikan Tahun Baharu Cina bersama ADN Demit

Oleh: Syamimi Manah



KUBANG KERIAN, 9 Februari — Sebanyak 200 masyarakat Tiong Hwa menyertai sambutan Tahun Baharu Cina 2026 bersama Ahli Dewan Negeri (ADN) Demit YB Mohd Asri Daud, di dua lokasi iaitu Bandar Baru Kubang Kerian dan Kampung Chepa pada Sabtu.

Dalam majlis itu, YB Mohd

Asri mengagihkan limau mandarin dan buah tangan sambil beramah mesra dengan semua hadirin.

Beliau turut mengucapkan “Xin Nian Kuai Le, semoga sentiasa sihat dan panjang umur” kepada para tetamu.

Antara yang menarik perhatian YB Mohd Asri adalah pertemuan dengan individu berusia 83 tahun yang masih aktif menjalani rutin “brisk walk” harian.

Beliau berkongsi detik manis apabila beberapa hadirin menasihatinya “jogging berkaki ayam di padang lebih sihat”, menunjukkan keprihatinan masyarakat terhadap gaya hidup sihat.

YB Mohd Asri menekankan

bahawa masyarakat DUN Demit ibarat satu keluarga, di mana setiap lapisan masyarakat, walaupun berbeza bangsa dan agama, digalakkan saling membantu dan menyemai semangat muhibah.

“Sempena sambutan Tahun Baharu ini, semoga kita semua terus membina keharmonian, kekal sihat dan berjaya dalam setiap lapangan yang diceburi,” katanya di laman rasmi pada Sabtu.



12 pelajar cemerlang STAM Maahad Saniah terima sumbangan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 12 Februari – Sebanyak 12 pelajar cemerlang peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2025 dari Maahad Saniah, Pasir Puteh menerima sumbangan sebagai penghargaan atas kecemerlangan mereka.

Sumbangan berkenaan disampaikan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat.

Beliau berkata, sumbangan itu adalah sebagai tanda penghargaan kepada pelajar yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam STAM,

selain menjadi dorongan dan suntikan semangat untuk terus beristiqamah dalam menuntut ilmu.

“Sebanyak dua pelajar yang memperoleh 10 Mumtaz menerima sumbangan RM1,000 setiap seorang, dua pelajar yang mendapat Mumtaz menerima RM500 setiap seorang, manakala lapan pelajar yang memperoleh Jaiyyid Jiddan menerima RM300 setiap seorang.

“Semoga penghargaan ini menjadi asbab keberkatan, menguatkan semangat menuntut ilmu serta melahirkan generasi yang berilmu, beradab dan bertakwa,” katanya menerusi hantaran di media sosial,



pada Selasa.

Terdahulu, beliau merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Maahad Saniah Kali Ke-24 bagi tahun 2026 yang menjadi platform penting menghimpunkan pihak sekolah, ibu bapa serta komuniti untuk berbincang dan memperkukuh kerjasama demi kecemerlangan pendidikan.

Turut hadir, Pengerusi PIBG Maahad Saniah, YB Dato Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan.

Dato' Tuan Mohd Saripudin turut merakamkan penghargaan

atas komitmen semua pihak yang terus memberi sokongan kepada institusi pendidikan Islam dalam usaha melahirkan generasi berilmu, berakhlak dan berdaya saing selari dengan aspirasi pendidikan Islam di negeri ini.

“Tahniah juga kepada semua pelajar STAM yang menduduki peperiksaan baru-baru ini, khususnya 12 pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang Mumtaz dan Jaiyyid Jiddan.

“Semoga penghargaan ini menyemarakkan lagi semangat kecemerlangan dan melahirkan generasi pewaris ummah yang berilmu, beradab serta bertakwa,” katanya menerusi media sosial, pada Selasa.



Semoga penghargaan ini menjadi asbab keberkatan, menguatkan semangat menuntut ilmu serta melahirkan generasi yang berilmu, beradab dan bertakwa,”

Pengarang UPKN raih RM10,000, novel Emas Serial Berat menang sayembara DBP 2025

Oleh: Asri Hamat

KUALA LUMPUR, 10 Februari – Pengarang Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) Norzana Razaly atau lebih dikenali sebagai Zanazanzaly meraih wang tunai RM10,000 dan sijil pengiktirafan apabila dinobatkan sebagai Pemenang Ketiga Sayembara Penulisan Kreatif Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang dilancarkan pada 23 Julai 2024 dan berakhir pada 31 Mac 2025.

Novel karya beliau bertajuk *Emas Serial Berat* berjaya mengatasi persaingan 109 manuskrip lain bagi kategori novel.

Bagaimanapun, DBP memutuskan tiada pemenang pertama dan kedua bagi kategori berkenaan kerana tiada karya yang memenuhi tahap kecemerlangan ditetapkan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Perda-

na Menteri YAB Datuk Amar Seri Fadillah Yusof di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Wisma DBP, hari ini.

Sementara itu, Ketua Panel Penilai yang juga Ketua Pengarah DBP Dr Hazami Jahari, dalam ulasannya berkata, karya yang dihasilkan menerusi sayembara berkenaan perlu menyerlahkan jati diri dan citra bangsa Malaysia melalui bahasa dan sastra kebangsaan, selari dengan konsep kesejahteraan dan kenegaraan Malaysia.

Menurutnya, penilaian dibuat berdasarkan kriteria ditetapkan meliputi aspek bahasa, keilmuan dan gaya persembahan, dengan penekanan terhadap kekuatan idea, ketepatan pengolahan, keutuhan struktur serta keberkesanan penyampaian penulis.

“Secara keseluruhannya, karya yang diterima menunjukkan kes-

ungguhan pengarang mengangkat pelbagai persoalan penting termasuk isu kemanusiaan, jati diri, bangsa, sejarah, agama, warisan serta kritikan sosial,” katanya.

Sehubungan itu, Dr Hazami menasihatkan para pengarang agar terus meningkatkan keupayaan menghasilkan karya besar yang mampu membentuk dan mencabar pemikiran pembaca.

Untuk rekod, DBP menerima 419 penyertaan merangkumi 194 karya puisi, 52 manuskrip cerpen, 63 manuskrip drama pentas dan 110 manuskrip novel.

Sayembara Penulisan Kreatif DBP 2025 terdiri daripada empat kategori iaitu kumpulan puisi, kumpulan cerpen, drama pentas dan novel.

Pengiktirafan berprestij tersebut merupakan kesinambungan tradisi DBP dalam menganjurkan pertandingan penulisan kreatif yang bermula buat julung kalinya pada tahun 1958 bersempena dengan kemerdekaan negara.

Tradisi berkenaan diteruskan dengan penganjuran seumpamanya pada tahun 2005 dan 2007.



MAIK, Yayasan Karyawan jalin kerjasama terbitkan Naskhah Sejarah Kelantan

Oleh: Asri Hamat



KOTA BHARU, 12 Februari - Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) berkolaborasi dengan Yayasan Karyawan untuk menerbitkan Naskhah Sejarah Kelantan apabila menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) di Dewan Tok Kenali, MAIK di sini hari ini.

Majlis tersebut disaksikan oleh Yang Dipertua MAIK yang juga Tengku Temenggong Kelantan, YBM Tengku Tan Sri Dato' Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz dan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan, YB Sahibul Samahah Dato' Kaya Perba, Dato' Mohamad Shukri Mohamad.

MAIK diwakili Yang Dipertuanya, Dato' Mohd Anis Hussein bersama Setiausaha MAIK, Rasani Ramli, manakala Yayasan Karyawan diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Roosfa Hashim dan Pegawai Penerbitan, Hafizan Amiti.

Dato' Mohd Anis dalam ucapannya berkata, MAIK melalui Unit Adat Istiadat mengambil pendekatan signifikan dengan menghimpunkan naskhah penting sejarah Kelantan untuk dipelihara dan diterbitkan semula secara kolaboratif bersama Yayasan Karyawan

di bawah pimpinan Dato' A Aziz Deraman.

Katanya, sebelum 1940-an, banyak manuskrip dan bahan bertulis berkaitan sejarah Kelantan dalam tulisan Jawi menjadi rujukan penting pengkaji, namun sebahagiannya hilang ditelan zaman, musnah akibat bencana atau tidak lagi dicetak sehingga sukar diperoleh generasi kini.

“Selain itu, kekangan utama hari ini ialah kebanyakan naskhah ditulis dalam tulisan Jawi yang mungkin kurang mesra dibaca generasi muda yang lebih terbiasa dengan tulisan Rumi.

“Justeru, usaha mendekatkan masyarakat dengan sumber sejarah Kelantan adalah langkah tepat dan amat diperlukan,” katanya.

Beliau berkata, Naskhah Sejarah Kelantan mempunyai keistimewaan tersendiri apabila menghimpunkan teks sejarah bertulisan Jawi dalam satu kompilasi yang mudah dirujuk.

Menurutnya, kandungan asal dalam tulisan Jawi akan ditransliterasi ke tulisan Rumi bagi memudahkan pembacaan, selain fakta sejarah diselaraskan melalui anotasi, nota kaki dan penambahan penerangan tanpa menjejaskan teks asal.

“Usaha ini bertujuan mengangkat kembali teks sejarah yang hampir tenggelam dalam lipatan masa, selain memperkukuh peranan MAIK dalam memelihara warisan ilmu, adat istiadat dan jati diri negeri serta rakyat Kelantan,” katanya.

Beliau berharap penerbitan karya itu menjadi sumber rujukan



penting khususnya kepada generasi muda untuk memahami sejarah pemerintahan Kelantan, menghargai jasa pemimpin terdahulu serta memupuk semangat mempertahankan kedaulatan negeri dan maruah negara.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Amanah Yayasan Karyawan, Dato' Dr A Aziz Deraman, berkata majlis pemeteraian MoA berkenaan adalah langkah awal penting dalam usaha meneroka, menilai dan mengangkat manuskrip lama di Kelantan sebagai Karya Agung Melayu.

“Sebagai permulaan, Yayasan Karyawan dengan kerjasama MAIK akan menerbitkan Naskhah Sejarah Kelantan yang diharapkan menjadi sumber rujukan penting kepada masyarakat, khususnya generasi muda,” katanya ketika berucap dalam majlis tersebut.

Beliau berkata, naskhah itu dijangka siap hujung tahun ini dan berharap dapat disebarluaskan ke institusi pengajian tinggi serta per-

pustakaan awam utama di seluruh negara.

Katanya, pihak Yayasan Karyawan juga turut berbincang dengan MAIK agar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dapat memainkan peranan memasukkan sejarah Kelantan dalam pengajian di universiti berkenaan.

“Naskhah Sejarah Kelantan sudah 50 peratus siap dan MAIK telah menyerahkan skrip kepada Yayasan Karyawan untuk disunting. Selepas siap, ia boleh diperolehi menerusi laman sesawang Yayasan Karyawan serta platform jualan dalam talian,” jelasnya.



Usaha ini bertujuan mengangkat kembali teks sejarah yang hampir tenggelam dalam lipatan masa, selain memperkukuh peranan MAIK dalam memelihara warisan ilmu, adat istiadat dan jati diri negeri serta rakyat Kelantan,”





SG4 perluas kerjasama pendidikan dan pembangunan modal insan di Mesir

Oleh: Syamimi Manah

KAHERAH, 12 Februari – Delegasi SG4 yang melibatkan negeri Kelantan, Kedah dan Terengganu memperkasa misi perdagangan ke Mesir dengan memberi fokus kepada sektor strategik serta pembangunan modal insan dalam pertemuan rasmi bersama Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah pada 8 Februari lalu.

Menurut Timbalan Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Nasrif Daud, delegasi tersebut telah mengadakan kunjung hormat rasmi ke Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah sebagai sebahagian daripada rangka kerja misi perdagangan dan pelaburan ke rantau Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA).

“Pertemuan strategik ini memberi tumpuan kepada pengukuhan misi pelaburan dan kerjasama perniagaan bersama syarikat Mesir, khususnya dalam sektor minyak dan gas, pemprosesan makanan, pembinaan, teknologi hijau dan perkhidmatan profesional” katanya.

Selain itu, perbincangan turut menyentuh potensi kerjasama import-eksport termasuk pengukuhan rangkaian bekalan makanan Malaysia.

Delegasi berkenaan terdiri dari-



pada YB Nasrif Daud dan YB Wan Rohimi Wan Daud (Kelantan), Exco Kerajaan Negeri Terengganu YB Mohd Norkhuzaini Ab Rahman serta YB Dr. Haim Hilman Abdullah (Kedah).

Kunjung hormat tersebut disambut oleh Pihak Kedutaan Malaysia diwakili oleh Deputy Chief of Mission / Chargé d’Affaires, Embassy of Malaysia in Cairo Rafedah Abdul Aziz.

Beliau menyambut baik inisiatif SG4 dalam memperkukuh hubungan ekonomi, pendidikan dan jaringan industri antara Malaysia dan Republik Arab Mesir.

Turut hadir, wakil Pejabat Perdana Menteri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta wakil Education Malaysia Egypt (EME).

Tambah YB Nasrif, sesi kunjung hormat itu turut membincangkan aspek penjagaan kesihatan dan kerjasama farmasi termasuk peluang akses ubat-ubatan berkualiti pada kos kompetitif, di samping usaha memperkukuh pembangunan bekalan modal insan dan tenaga kerja.

“Kedutaan Malaysia di Kaherah diharap dapat memainkan peranan sebagai fasilitator strategik dalam menghubungkan misi perdagangan SG4 ini termasuk dalam sektor pendidikan dengan universiti dan institusi pendidikan di Mesir” katanya.

Dalam pertemuan tersebut, delegasi SG4 turut menekankan potensi negeri-negeri SG4 sebagai “Malay Belt” yang mempunyai tanah rizab strategik bagi pembangunan indus-

“

Pertemuan strategik ini memberi tumpuan kepada pengukuhan misi pelaburan dan kerjasama perniagaan bersama masyarakat Mesir, khususnya dalam sektor minyak dan gas, pemprosesan makanan, pembinaan, teknologi hijau dan perkhidmatan profesional,”

tri dan pelaburan berskala besar.

Dalam hal itu, SG4 berharap Kedutaan Malaysia di Kaherah dapat terus mempromosikan SG4 dalam investment map Malaysia di Mesir serta memperluas corporate linkages dengan syarikat dan institusi strategik Mesir.

YB Nasrif memaklumkan misi dan kunjung hormat SG4 berkenaan diselaraskan melalui kerjasama strategik antara Terengganu Strategic & Integrity Secretariat (TSIS), Unit Pemantauan dan Strategik (SPARK) Pejabat Menteri Besar Kelantan serta Invest Kedah sebagai sekretariat bersama.

“Sekretariat ini bertanggungjawab dalam penyelarasan agenda, penyediaan bahan profil pelaburan serta pengurusan logistik bagi memastikan kesinambungan kerjasama strategik Malaysia–Mesir” ujarnya.

